

DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS KUALA LINGGI



Penyediaan RKK Kuala Linggi ini bertitik tolak dari pengumuman Mantan YAB Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam semasa Majlis Perasmian RTC Kuala Linggi oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 10 November 2012 yang lalu.


Keperluan penyediaan RKK Kuala Linggi ini dilihat sebagai tindakbalas Kerajaan Negeri kepada usaha-usaha untuk membangunkan kawasan luar Bandar menerusi Program Tranformasi Luar Bandar (RTP), salah asatu program dibawah Dasar Tranformasi Negara (GTP) dalam usaha merealisasikan Wawasan Kebangsaan untuk menjadi sebuah Negara Maju berpendapatan tinggi menjelang Tahun 2020.

Program Tranformasi Luar Bandar ini bertujuan untuk mentranformasikan kawasan luar Bandar supaya mampu menarik pelaburan swasta, menyediakan peluang pekerjaan dan kegiatan ekonomi di kawasan luar Bandar. Sehubungan dengan itu, dengan pewujudan Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC) sebagai projek perintis RTP ini, ia diharap dapat bertindak sebagai 'mekanisme' untuk mengoptimumkan potensi pembangunan dan menjana pertumbuhan ekonomi luar bandar.

Rancangan Kawasan Khas Kuala Linggi adalah Rancangan Pemajuan yang disediakan mengikut peruntukan Undang-Undang Malaysia dibawah Subseksyen 16B (1), (2) dan (3) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172).



Lokasi Kawasan Kajian



Kawasan Kajian RKK Kuala Linggi, Daerah Alor Gajah terletak di bahagian Barat Negeri Melaka bersempadanan dengan selat Melaka. Ia terletak kira-kira 45km dari Bandaraya Melaka dan 37 km dari Bandar Port Dickson, Negeri Sembilan. Kawasan kajian ini merangkumi kawasan seluas

3,755.27 ekar (1,59.70 hektar) yang terletak di Mukim Kuala Linggi dan Mukim Kuala Sungai Baru.

Jumlah penduduk pada tahun 2010 mengikut mukim adalah berjumlah 12,738 orang iaitu 2,043 orang di Mukim Kuala Linggi dan 10,695 orang di Mukim Kuala Sungai Baru. Manakala penduduk di kawasan kajian RKK Kuala Linggi ini yang melibatkan dua pentadbiran JKKK iaitu JKKK Tanjung Dahan dan JKKK Kuala Linggi berjumlah 1,662 orang.

Matlamat Dan Objektif Kajian



Matlamat Kajian RKK ini adalah menyediakan Pelan Pembangunan Komprehensif bagi Kuala Linggi untuk dibangunkan sebagai Pusat Pertumbuhan bagi menyokong perannya sebagai Pusat Tranformasi Luar Bandar.

Enam objektif kajian telah digariskan sebagai menyokong matlamat diatas :

1. Mengenalpasti kawasan Pusat Perkhidmatan Kuala Linggi selaras dengan perannya sebagai Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC)
2. Mengenalpasti peranan dan potensi pelabuhan Kuala Linggi ke tahap yang lebih berdaya maju.
3. Mengkaji kepentingan setiap inisiatif penebuan RTC dan cadangan-cadangan pelaksanaannya bagi kawasan kajian.
4. Menaiktaraf sistem rangkaian perhubungan pengangkutan yang efisien
5. Meningkatkan penyediaan infrastruktur dan utiliti bagi memenuhi keperluan penduduk tempatan dan menyokong pembangunan perbandaran, pelancongan dan kegiatan ekonomi yang lain.
6. Mengenalpasti dan memelihara kawasan sensitive alam sekitar bagi mewujudkan keseimbangan antara pembangunan alam semulajadi dan mencapai persekitaran alam yang mampan.

Cadangan Pembangunan RKK Kuala Linggi

No.	Strategi Pembangunan	Pelan Tindakan
01.	Cadangan Mengukuhkan Pusat Perkhidmatan Kuala Linggi Sebagai Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC)	PT01 Cadangan Pusat Pertumbuhan Baru Kuala Linggi
		PT02 Cadangan Pasar Nelayan
		PT03 Cadangan Industri Pengprosesan Dan Pembungkusan
		PT04 Cadangan Menaiktaraf Kg. Nelayan
		PT05 Cadangan Pembangunan Kompleks Peminaan Fret Supai
02.	Cadangan Pelabuhan Kuala Linggi Sebagai Hali Maritim	PT06 Cadangan Pelabuhan Kuala Linggi sebagai Terminal Pengangkutan Air
		PT07 Cadangan River Cruise
		PT08 Cadangan Pitu Gerbang dan Menaiktaraf Landskap Jalan Utama
		PT09 Cadangan Edu Tourism
03.	Cadangan Peningkatan Kemudahan Untuk Mempromosikan Pelancongan	PT10 Cadangan Menaiktaraf Kemudahan Sokongan Pelancongan
		PT11 Cadangan Pengurusan Lalulintas (Jalan Baru, Menaiktaraf Jalan dan Peningkatan)
		PT12 Cadangan Menaiktaraf Terminal Pengangkutan Awam
		PT13 Cadangan Perkhidmatan Bas Awam
		PT14 Cadangan Pengangkutan Air
04.	Cadangan Meningkatkan Sistem Pengangkutan Dan Pengangkutan Awam	PT15 Cadangan Log Olahan Kumbahan Berpusat
		PT16 Cadangan Tangki Air (Elevated)
		PT17 Cadangan Bekalan Elektrik (SSU)
		PT18 Cadangan Menara Telekomunikasi
05.	Cadangan Meningkatkan Sistem Pengurusan Infrastruktur Dan Utiliti Yang Sistematis	PT19
06.	Cadangan Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar	Pelan Pengurusan KSAS/RKK Kuala Linggi




Konsep Pembangunan RKK Kuala Linggi

Konsep pembangunan yang dicadangkan adalah menjurus kepada pencapaian matlamat kajian iaitu "Menyediakan Pelan Pembangunan Komprehensif Bagi Kuala Linggi Untuk Dibangunkan Sebagai Pusat Pertumbuhan Bagi Menyokong Perannya Sebagai Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC)".

Potensi Pembangunan Kawasan Kajian

- i. Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC)
 - Kompleks LKIM
 - Berfungsi sebagai Pusat Intergrasi Perkhidmatan
- ii. Sumberjaya Perlancongan Berpotensi
 - Pusat Penyelidikan MARDI
 - Pelabuhan Kuala Linggi
 - Sungai Linggi
 - Hutan Paya Bakau
 - Kawasan Pesisir Pantai
 - Kemudahan Homestay Dan Chalet
- iii. Pengembangan gunatanah bagi mewujudkan Pusat Pertumbuhan Baru dan menyediakan kemudahan penduduk melalui pembangunan gunatanah perniagaan dan perumahan.
- iv. Meningkatkan fungsi Pelabuhan Kuala Linggi sebagai Hub Maritim dan pemangkin pertumbuhan ekonomi.
- v. Potensi pembangunan pertanian melalui fungsi penyelidikan dan Agro pelancongan.
- vi. Potensi sistem rangkaian perhubungan pengangkutan melalui sistem jalan raya dan juga kemudahan pengangkutan air.



No	Lokasi	Komponen
1	Hutan Paya Laut & Sg. Linggi	Eko-Pelancongan, Taman Negeri & Pusat Latihan RTC
2	ALAM	Edu-Tourism & Kerjasama Universiti
3	MARDI	Agro Pelancongan, Pusat Penyelidikan RTC & Pemrosesan Produk Agro Makanan
4	Pusat Pertumbuhan Baru	Pusat Peminaan dan Perkhidmatan Utama, Kawasan Kodiaman, Kawasan Rekreasi, Stesen Bas & Cadangan Lokasi Baru Bangunan RTC
5	Pelabuhan Kuala Linggi & Sekitar Kg. Nelayan	Pelabuhan Barter Trade, Pasar Nelayan, Pusat Pengprosesan dan Pembungkusan, Terminal Pengangkutan Air & Restoran Tempung Ikan Bakar
6	Kemudahan Chalet & Pesisiran Pantai	Agro Pelancongan, Homestay dan Chalet
7	Kawasan Pertanian	Pertanian Bermilai Tinggi, Agro Pelancongan & Aktiviti Penjemakan Burung Waik
8	Nusa Dusun	Pembangunan Resort, Pertanian Bermilai Tinggi, Agro Pelancongan, Aktiviti Penjemakan Burung Waik & Pusat Latihan / Kem AKM
9	KUIM	Edu-Tourism & Kerjasama Universiti

PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM

Orang awam berhak mengemukakan pendapat atau maklumbalas terhadap Draf Rancangan Kawasan Khas ini melalui program Publisiti dan Penyertaan Awam yang sedang dijalankan bermula 01 Disember hingga 31 Disember 2013 di tempat-tempat berikut :

- I. Majlis Perbandaran Alor Gajah
- II. Ruang Legar RTC Melaka
- III. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Melaka

Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBDSM) adalah agensi kerajaan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab dalam perancangan bandar dan desa di Negara ini. Antara peranan yang dimalkan adalah membantu kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan merancang kawasan di bawah pentadbirannya seperti penyediaan Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas.